

## Lampiran 1

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) NEGERI PAHANG DAN MAJLIS PERKAHWINAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

1. Garis panduan ini dirangka bagi memberikan panduan kepada penganut-penganut agama selain daripada Islam bagi mengunjungi Rumah-rumah Ibadat bagi tujuan Keagamaan dan Majlis Perkahwinan dalam tempoh PKPP sehingga keputusan baru dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.
2. Sebelum memasuki RIBI penganut / hadirin hendaklah memastikan:
  - i. Penjarakan Sosial (**Jarak 1 meter**) - tandakan jarak;
  - ii. Pemeriksaan suhu (**suhu melebihi 37.6 tidak dibenarkan masuk**);
  - iii. Pemakaian **topeng muka**; dan
  - iv. Penyediaan **Hand Sanitizer** atau **tempat cucian tangan dan sabun**.
  - v. Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran.
  - vi. Penganut / hadirin yang menghidap penyakit kronik tidak digalakkan hadir
3. Semasa berada di dalam RIBI penganut / hadirin hendaklah memastikan:
  - i. Penjarakan Sosial (**Jarak 1 meter**)- tandakan jarak;
  - ii. **Hanya 1/3 daripada kapasiti keluasan RIBI atau tidak melebihi daripada 250 orang** dibenarkan berada di dalam RIBI bagi satu-satu masa;
  - iii. Pemakaian **topeng muka**;

- iv. Interaksi Paderi/ Sami dengan penganut mestilah terhad (*limited*) dan mematuhi penjaraikan sosial;
  - v. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa; dan
4. Sekiranya ada ahli jawatankuasa termasuk ketua agama didapati demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas, mereka **tidak dibenarkan untuk bertugas**;
5. Semua penganut / hadirin perlu **terus keluar dari kawasan RIBI** selepas selesai urusan. **Tidak dibenarkan berkumpul / bersempang / berhimpun** sebelum atau selepas keluar dari RIBI.
6. RIBI dibenarkan beroperasi **mengikut waktu operasi RIBI masing-masing**.
7. Tiada upacara sembahyang yang **berskala besar** diadakan termasuk upacara sembahyang tahunan RIBI atau perarakhan.
8. Proses **Sanitasi** RIBI digalakkan dilakukan sebulan sekali / 2 minggu sekali.